

# You MEDIA SOSIAL SEBAGAI ALAT KOMUNIKASI

**A**pabila orang bertanya saya tentang media dan kebebasan, jawapan saya ialah media diumpamakan sebagai sebuah lori. Semua lori, kecil atau besar, sama sahaja kerana fungsinya serupa, iaitu untuk mengangkut barang-barang. Yang membezakan sebuah lori dengan lori yang lain ialah muatannya. Kalau muatannya berharga, lori itu turut berharga.

Sebaliknya kalau barang yang dibawanya tidak berharga maka kurang pulalah nilai lori itu. Sesiapa yang kerap memandu di Lebuhraya Utara-Selatan mungkin pernah melihat lori treler yang diiringi oleh sebuah kenderaan kawalan keselamatan.

Hal ini berlaku kerana lori treler itu membawa muatan bernilai tinggi yang selalunya berupa komponen elektronik atau komputer yang mahal harganya.

Media pun begitu juga. Ada yang berprestij dan dihormati kerana kandungannya bermutu tinggi dan ada juga yang tidak berprestij.

Salah satu ciri penting bagi mengukur sesebuah media itu bermutu atau tidak ialah tahap kebebasannya. Lagi bebas sesebuah akhbar, majalah, saluran televisyen dan stesen radio, maka lebih tinggilah mutu penyiarannya.

Namun begitu, laporan yang bebas itu kenalah disertai oleh tahap etika dan kebertanggungjawaban yang tinggi juga.

Namun ini tidak bermakna hanya media yang berprestij sahaja yang mendapat sambutan. Media murah pun ada kalanya mendapat langganan tinggi kerana menyiarkan berita sensasi dan luar biasa.

Sekarang dunia media menjadi lebih kompleks dengan kemunculan media baharu yang dipacu oleh teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT).

Melalui ICT, setiap orang yang berminat mampu sekali gus menjadi pemberita, jurugambar, jurukamera dan juruhebah tanpa memerlukan lesen atau latihan.

Saya pernah ceritakan pada tahun 1940-an dan 50-an sebuah radio berukuran sama besar dengan mesin cuci dan mengambil masa yang lama untuk dipanaskan sebelum boleh menerima signal.

Manakala stesen pemancar pula hanya ada di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sahaja. Untuk memiliki radio tuan punya terpaksa membeli lesen daripada kerajaan. Memiliki radio tanpa lesen adalah satu kesalahan.

Hari ini, radio, telefon, TV, kamera dan pemancar digabungkan menjadi satu dalam bentuk telefon pintar yang dapat dibeli dengan harga ratusan ringgit dan boleh digunakan di merata dunia.

Namun adakah kita lebih berpengetahuan dan bijaksana apabila maklumat kini berada di hujung jari atau kita lebih jahil dan keliru kerana dunia semakin tidak mepedulikan pengarang dan penyunting?

Kita cari perkara yang terlintas di fikiran kita dan percaya bulat-bulat apa-apa sahaja yang dihantar kepada kita oleh rakan-rakan Facebook, Twitter, Instagram, WhatsApp dan WeChat.

Bukan semua kita mempunyai fikiran yang tajam dan terdidik dalam hal penerokaan maklumat untuk mengambil alih peranan wartawan, penyunting dan pengarang.

Platform media sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp, Instagram dan WeChat tidak boleh dianggap sebagai sumber mutakhir maklumat melainkan digunakan secara profesional.

Kesimpulannya, walaupun lebuhraya multimedia kini dipenuhi pelbagai jenis kenderaan pantas yang mampu dimiliki dengan percuma, namun kemanfaatannya masih bergantung pada kepastiaan dan kebijaksanaan orang yang menggunakannya.

Hatta orang paling cerdik dan bijaksana pun tidak pandai dalam semua bidang. Kita masih perlu hidup bermasyarakat dan dipandu oleh orang yang tahu.

Media baharu sekadar cara atau saluran untuk mencapai matlamat. Media sosial dapat mengeratkan perhubungan manusia dan boleh juga menjadi punca perpecahan.

Parang di tangan orang yang pakar boleh memugar hutan, namun diberi kepada orang yang tidak tahu akan menyebabkan kecederaan.

Wallahuaklam. 